

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 OGOS 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kerajaan komited tambah baik usaha cegah banjir	Utusan Malaysia
2.	Kerajaan komited tangani perubahan iklim	Sinar Harian
3.	More investments needed in E&E sector	The Sun Daily

Kerajaan komited tambah baik usaha cegah banjir

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan komited untuk melaksanakan pelbagai penambahbaikan dalam usaha mencegah banjir susulan beberapa kejadian yang berlaku di negara ini.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, antara penambahbaikan yang telah dilakukan adalah sistem ramalan cuaca, mendalamkan sungai, pemuliharaan dan pemuliharaan kawasan tadahan air.

"Kita lihat perubahan iklim telah menyebabkan beberapa kejadian tetapi Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah memberikan input lebih awal mengenai kawasan yang dijangka mengalami banjir.

"MetMalaysia memberi maklumat tujuh hari lebih awal daripada waktu berlakunya banjir berdasarkan maklumat diperoleh menerusi sistem satelit dan ini membolehkan kesiapsiagaan dilakukan lebih awal serta koordinasi dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bencana Negara.

"Untuk jangka panjang pula, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan kerjasama agensi lain akan mendalamkan sungai dan menentukan tidak berlaku penempatan di kawasan-kawasan tadahan

hujan," katanya ketika berucap dalam Kongres Sedunia Persatuan Penyelidikan dan Kejuruteraan Alam Sekitar Hidro Antarabangsa (IAHR) Ke-37 di sini, hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bencana Negara menambah, meskipun masalah air dan tanah di bawah kerajaan negeri, namun koordinasi kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri telah dilakukan demi kepentingan rakyat.

"Koordinasi ini tidak pernah dilakukan, yang mana kita merasakan bahawa persoalan selama ini kita hadapi termasuk banjir kilat dan sebagainya harus diatasi dalam jangka masa panjang supaya masalah ini tidak berlaku lagi biarpun belanjawan yang diperlukan cukup tinggi termasuk hakisan kawasan pantai," katanya.

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kira-kira RM40 bilion diperlukan bagi melaksanakan kerja tebatan banjir dalam usaha mengurangkan risiko bencana tersebut.

"Kami juga sedang dalam proses membuat kajian peruntukan untuk membuat penambahbaikan hakisan pesisir pantai di seluruh negara demi kepentingan masyarakat di kawasan tersebut," katanya.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 15 OGOS 2017 (SELASA)

Kerajaan komited tangani perubahan iklim

KUALALUMPUR - Kerajaan komited menangani permasalahan akibat perubahan iklim di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan telah mengkoordinasi beberapa tindakan melibatkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** serta Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

"Untuk masa hadapan, persoalan yang sering kita hadapi seperti banjir kilat harus diatasi supaya tak berlaku lagi walaupun kosnya tinggi.

"Ini termasuk hakisan pantai yang memerlukan ratusan bilion (peruntukan) tetapi kerajaan komited untuk bantu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kongres Sedunia International Association for Hydro-Environment Engineering and Research (IAHR) di sini, semalam.

Menurut Ahmad Zahid, perubahan iklim penyebab kejadian seperti banjir.

Bagaimanapun, katanya, maklumat awal diperolehi Jabatan Meteorologi melalui sistem satelit membolehkan persediaan awal.

Selain itu, menurutnya, Jabatan Pengairan dan Saliran serta agensi lain telah mendalamkan sungai dan memastikan tiada penebangan di kawasan tadahan hujan.

Ahmad Zahid berkata, kerajaan Persekutuan juga melakukan koordinasi dengan kerajaan negeri membabitkan isu air dan tanah.

"Walaupun ada kerajaan negeri yang tak bersama Putrajaya, koordinasi dilakukan demi kepentingan rakyat. Setakat ini berjaya mengatasi masalah di Lojing dan Cameron Highlands," katanya.



More investments needed in E&E sector

KUALA LUMPUR: Malaysia needs to focus on increasing investments in the Electrical and Electronics (E&E) industry to transform into a high-income economy under the Industry 4.0 revolution.

SME Association Malaysia National deputy president Ong Chee Tat said small and medium enterprises (SMEs) in the country had a lot of catching up to do, to be on par with the bigger players, as well as be atop the latest trends in automation and technologies.

He said in terms of the Industry 4.0 revolution, local SMEs do not have the economies of scale compared with other countries and are thus unable to get a faster return on their investments.

"The big boys can spend first and earn later. But, the smaller players, can only spend what they earn. It is a matter of capital investment," he told Bernama.

Ong said the association had put forth suggestions to the government on the funds needed to spur SMEs to advance into the Industry 4.0.

He said local SMEs need to change their mindset, from one of reliance on foreign labour to automating their businesses processes via the adoption of technologies such as robotics, the Internet of Things (IoT), cloud computing and artificial intelligence.

Citing the Original Equipment Manufacturers in Penang and other industrial zones as an example, Ong said the companies producing for big global factories were well into Industry 4.0.

He said game-changing innovations had caused a paradigm shift in the E&E industry, and SMEs, especially the smaller players, required financial assistance to be able to advance in Industry 4.0.

According to earlier reports, Khazanah Nasional Bhd subsidiary, **Malaysian Technology Development Corporation**, plans to approve RM170 million in loans to technology-based firms this year.

Globally, Industry 4.0 has spurred demands for energy efficient products, such as LED lamps and energy-efficient refrigerators, air-conditioners and other electrical gadgets, while stimulating interest among industry players in the E&E sector.